

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN BILANGAN 2 TAHUN 2020

TENEMEN MINERAL YANG TELAH TAMAT TEMPOH DAN PERMOHONAN TENEMEN MINERAL YANG GAGAL MEMATUHI SYARAT KELULUSAN

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan sebagaimana berikut :-

- 1.1. Mana-mana tenemen mineral yang telah tamat tempoh tidak boleh diperbaharui.
 - 1.2. Mana-mana kelulusan Lesen Mencarigali / Lesen Penjelajahan / Pajakan Melombong / Lesen Melombong Tuan Punya yang gagal mematuhi syarat-syarat kelulusan di bawah Seksyen 41(8), 63(13) dan 81(11) Enakmen Mineral 2001, kelulusan itu disifatkan terbatal.
 - 1.3. Mana-mana kelulusan pajakan melombong yang gagal melantik Jurukur Berlesen bagi menjalankan kerja-kerja pengukuran sempadan dan mengemukakan pelan pengukuran sempadan di bawah Seksyen 65(4) Enakmen Mineral (Pindaan) 2009, kelulusan itu disifatkan terbatal.
 - 1.4. Rayuan bagi mana-mana permohonan tenemen mineral yang telah ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri hanya dibenarkan sekali sahaja.
2. Sekiranya pemohon / pemegang lesen / penerima pajakan di perenggan 1.1 hingga 1.3. masih berminat untuk mengusahakan kawasan tersebut, hendaklah mengemukakan permohonan baru kepada Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kelantan sebagaimana peruntukan Enakmen Mineral 2001 beserta dengan fi-fi semasa selaras dengan peruntukan Peraturan-Peraturan Mineral 2003. Dokumen-dokumen terdahulu yang masih relevan boleh digunakan dalam permohonan baru.

3. Walau bagaimanapun permohonan baru yang dikemukakan oleh pemohon tidak dapat diproses sekiranya semakan pelan mendapati kawasan tersebut telah diluluskan kepada syarikat lain.
4. Dengan itu, semua Pentadbir Tanah hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya dan arahan ini berkuatkuasa serta merta.



.....
DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K (Kelantan), K.M.N.
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN.

KEPADA :

Yang Amat Berbahagia Dato'/Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABhg. Dato' Pengarah Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan
7. YABrs. Pengarah Jabatan Mineral Dan Geosains Negeri Kelantan
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3 KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU, KELANTAN**

**NO. FAIL : PTG.KN.32/69 JLD.4 (29)
BERTARIKH : 1 REJAB 1441H
25 FEBRUARI 2020**